

‘Kata Ciptaan’ Remaja Personaliti ‘Neurotisme’ di Blog

Mohd Shahremy Ikmal Shahbudin
ikmalshah@gmail.com
Universiti Utara Malaysia

Nuraini Yusoff
nuraini@uum.edu.my
Universiti Utara Malaysia

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat penggunaan ‘kata ciptaan’ oleh remaja yang berkomunikasi menggunakan penulisan teks di internet dalam kecenderungan personaliti neurotisme. Kajian ini menganalisis kiriman dua blog remaja yang aktif menulis kiriman blog sepanjang tahun 2012 sahaja. Kedua-dua remaja ini disaring daripada 20 remaja lain yang dipilih secara rawak oleh penyelidik. Analisis kajian ini dilakukan secara kualitatif dengan mengaplikasikan Teori *Big Five Personality* oleh McCrae dan Costa (1997). Dalam teori ini, selain Neuroticisme, terdapat empat lagi kecenderungan personaliti, iaitu *extraversion*, *agreeableness*, *openness*, dan *conscientiousness*. Hasil kajian ini mendapati wujudnya kata-kata ciptaan yang digunakan dalam teks kiriman blog oleh kedua-dua remaja ini. Penggunaan kata ciptaan dalam kiriman teks dalam blog ini berlaku disebabkan oleh pengaruh emosi terhadap remaja ketika berkomunikasi dalam blog. Kepelbagaian emosi ini menyebabkan remaja berkomunikasi tanpa kekangan dengan komuniti remaja kelompok yang sama sahaja. Teks yang terhasil itu difahami oleh golongan remaja sahaja dan pemilihan perkataan juga berlainan daripada makna yang sebenarnya. Penggunaan perkataan yang terhasil itu menyebabkan personaliti remaja turut terpengaruh sama ada daripada sifat positif dan sifat negatif. Kata-kata ciptaan yang terhasil lazimnya berlaku dalam komunikasi di rangkaian sosial terutamanya blog. Kata-kata ciptaan ini berkembang dan digunakan oleh remaja lainnya yang berkomunikasi bersama atau membaca kiriman blog yang dihantar. Akibatnya, kata ciptaan yang digunakan secara meluas dan menyebabkan perkataan berkenaan berlainan daripada makna asalnya. Hasil kajian ini menunjukkan implikasi dalam mengenal personaliti melalui kewujudan kata ciptaan dalam penulisan teks di rangkaian sosial internet sahaja yang berlainan makna dari kata asalnya. Kajian ini juga dapat memberikan gambaran personaliti remaja di internet berbanding antara muka.

Kata kunci: personality; kata ciptaan; Teori *Big Five Personality*; remaja; neurotisme

‘Invented Words’ by Adolescent Bloggers with Neuroticism Personality Tendencies

ABSTRACT

This study examines the use of ‘invented words’ by adolescent bloggers with Neuroticism personality tendencies. This study analyzes two adolescent bloggers who actively wrote blog posts in 2012. Both adolescents were chosen from 20 adolescents who were randomly selected by the researchers. The analysis was conducted qualitatively by applying the theory of the Big Five Personality by McCrae and Costa (1997). Other than Neuroticism, this theory explains that there are four other personality tendencies, namely Extraversion, Agreeableness,

Openness, and Conscientiousness. The results show the existence of invented words in the blog posts by both adolescents. The use of the invented words in blogs' text occurred due to the influence of adolescent emotions while communicating in blogs. The diversity of these emotions prompted adolescents to communicate without the constraint of a similar youth community. The resulting text was understood by adolescents only and the selection of words differed from its true meaning. The use of the resulting words affected the adolescents' personalities, to be either positively or negatively influenced. Most invented words resulted from communication in social networks, especially blogs. The invented words developed and were used by other adolescents who communicate with each other or read blog posts. As a result, the invented words were used widely and caused the words to differ from their original meanings. The result of this study indicates that the implications in understanding adolescents' personalities through written text on internet social networking only differ from its original meaning. The study also provides a clear picture of adolescents' personalities on the internet compared to face-to-face interaction.

Keywords: personality, invented words, Big Five Personality Theory, teen, neuroticism

PENGENALAN

Perkembangan internet yang pantas dan meluas menyebabkan komunikasi melalui teks terutamanya rangkaian sosial semakin popular dalam kalangan pengguna internet di bawah umur 21 tahun di Malaysia. Statistik pada tahun 2009, menunjukkan bahawa sebanyak 76.9 peratus penggunaan internet adalah untuk penulisan teks menyamai jumlah peratus pencarian maklumat berbanding penggunaan penulisan lain seperti aktiviti kewangan, aktiviti masa lapang, perkhidmatan awam, transaksi dan pendidikan di internet (Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia, 2012). Blog merupakan rangkaian sosial yang paling tinggi jumlah penggunaannya, dalam kalangan remaja di Malaysia, iaitu sebanyak 57% (MDEC, 2015).

Penggunaan bahasa dalam komunikasi menjadi medium untuk pengguna internet seperti golongan remaja berinteraksi antara satu sama lain. Remaja menggunakan penulisan teks sebagai landasan untuk bersosial, bertukar maklumat dan melahirkan idea. Dalam konteks ini, didapati para remaja mencipta perkataan baharu atau memberi makna baharu kepada perkataan yang sedia ada. Kewujudan perkataan baharu berlaku disebabkan oleh pertembungan bahasa akibat daripada peminjaman perkataan daripada satu bahasa lain ke bahasa lain. Peminjaman ini berlaku kerana bahasa mempengaruhi antara satu sama lain dan penukaran melalui leksikal, struktur dan wacana (Steiner, 2008). Peminjaman dan perubahan bahasa berlaku secara semula jadi, iaitu apabila berlakunya penambahan perkataan baharu melalui peniruan daripada bahasa lain (Haugen, 1953). Perkataan baharu yang wujud ini disebabkan oleh penutur yang melakukan perubahan pada perkataan, morfem atau struktur sesuatu bahasa ketika berkomunikasi (Payne, 2006). Kewujudan perkataan baharu oleh penutur juga berlaku disebabkan penutur ingin menyampaikan kefahaman melalui bahasanya sendiri sehinggalah berlakunya perubahan ketara dari segi linguistik (Fromkin, 2007).

Di samping itu, para remaja juga menzahirkan pelbagai emosi melalui penulisan teks dengan menggunakan simbol dan perkataan ciptaan yang difahami oleh pengguna internet yang lain daripada komuniti yang sama (Linguist & Gendren, 2013). Pelbagai emosi yang disampaikan melalui komunikasi dalam teks ini antaranya kegembiraan, ketegasan dan kesedihan. Kepelbagaian emosi menyebabkan kefahaman yang diterima oleh pembaca akan berbeza ketika berkomunikasi. Ekspresi remaja juga sukar difahami oleh pengguna internet yang lain kerana penggunaan kata ciptaan ketika berkomunikasi. Kata ciptaan yang terhasil ini memberikan makna yang berbeza disebabkan oleh latar diri pembaca, personaliti, budaya

dan kefahaman pembaca itu sendiri yang melalui proses sosialisasi yang berbeza. Makna merupakan idea atau konsep yang boleh dipindahkan daripada fikiran penutur atau pengguna internet kepada fikiran pendengar atau pembaca kiriman blog berkenaan melalui komunikasi. Lyons (1981) menyatakan bahawa makna daripada perkataan-perkataan yang digunakan mempengaruhi ayat dalam teks yang dihasilkan. Perbezaan makna yang wujud ini disebabkan oleh beberapa faktor antaranya ialah perbezaan fungsi antara pernyataan teks yang digunakan dan perbezaan struktural. Akibat daripada perbezaan penggunaan makna dalam teks, turut mempengaruhi personaliti individu berkenaan ketika berkomunikasi menggunakannya.

SOROTAN KARYA

Personaliti merupakan sebahagian daripada bidang psikologi mengenai manusia secara keseluruhannya sebagai individu yang kompleks. Setiap individu memiliki personaliti yang menarik, personaliti tidak bersesuaian atau tidak mempunyai personaliti yang menentu (Gadbois, 2014). Oleh itu, kajian-kajian berkaitan personaliti dijalankan sebelum ini adalah untuk mencari hubungan yang bermakna di antara tingkah laku manusia. Hal ini berlaku kerana manusia mempunyai persamaan tetapi berbeza dalam pelbagai cara yang lain (Cohen & Dealing, 2014). Disebabkan itulah personaliti individu ini mempunyai keistimewaannya yang tersendiri kerana lebih mencerminkan aspek diri sendiri yang akan diperlihatkan kepada orang lain.

Kajian Lam Kai Chee dan Kamila Ghazali (2014), menyatakan penggunaan bahasa oleh individu mempunyai keistimewaannya yang tersendiri, dan seterusnya mempengaruhi personaliti. Bahasa melalui personaliti dipengaruhi oleh kelakuan atau sifat diri yang menjadi asas diri individu itu sepenuhnya. Kesan daripada personaliti dan bahasa ini, Siti Hamin Stapa dan Azianura Hani Shaari (2012) menyatakan pembentukan diri individu akan terhasil, misalnya melalui penulisan dan komunikasi. Personaliti melalui komunikasi menggunakan penulisan teks dalam blog ini berbeza berbanding dengan komunikasi antara muka. Hal ini kerana komunikasi antara muka lebih mudah dinilai terutamanya melalui pengaruh situasi. Sebaliknya, dalam komunikasi bahasa, Amichai-Hamburger (2012), menyatakan yang idea dan naratif penceritaan dipengaruhi oleh persepsi dan minat individu berkenaan.

Dalam Teori *Big Five*, personaliti individu dinilai berdasarkan kecenderungan *Extraversion*, *Neuroticism*, *Agreeableness*, *Openness* dan *Conscientiousness*. *Extraversion* lebih kepada keperibadian individu berinteraksi dengan orang sekeliling, mudah bergaul dan bersosial antara satu sama lain. Individu *Extraversion* lebih suka melayani perasaan diri sendiri dan seorang yang banyak mendiamkan diri. Dalam kecenderungan *Neuroticisme*, individu bergantung kepada emosi dalam membuat keputusan. dan mempunyai ketenangan dalam menghadapi masalah. Namun, individu *Neuroticisme* lebih cenderung bersikap negatif dan mudah berubah fikiran dalam membuat keputusan berdasarkan kepada reaksi dirinya. Dalam kecenderungan *Agreeableness*, individu mudah akur dan patuh dengan individu lainnya dan menghindari konflik yang berlaku di sekeliling dirinya. Individu *Agreeableness* mudah membantu individu lain namun tidak suka bersepatat dalam membuat keputusan. Seterusnya, individu *Openness* mempunyai sikap mudah tertarik dengan perkara baru disekelilingnya dan membantu meningkatkan pemikiran kreatif individu berkenaan. Individu *Conscientiousness*, mempunyai sikap berhati-hati dalam membuat keputusan dan turut mempunyai sikap positif yang tinggi dan mudah dipercayai oleh individu lainnya.

Namun, kajian-kajian berkaitan kelima-lima kecenderungan personaliti dalam Teori *Big Five* kajian ini hanya berfokuskan dua kecenderungan personaliti sahaja dalam internet, iaitu kecenderungan *Extraversion* dan *Neuroticism*. Ini disebabkan kedua-dua kecenderungan personaliti ini adalah paling kerap wujud dalam kajian yang dijalankan sebelum ini berkaitan

personaliti di internet. Contohnya seperti kajian Cadle (2005), yang membuktikan kecenderungan personaliti *Extraversion* individu melalui penulisan e-mail dalam internet adalah saling berkaitan dengan personaliti individu yang sebenarnya. Selain itu, kedua-dua komponen kecenderungan personaliti, iaitu *Extraversion* dan *Neuroticism* akan mempengaruhi sifat positif individu dan seterusnya mempengaruhi juga dalam komunikasi ketika menggunakan internet seperti dalam rangkaian sosial. Begitu juga dalam kecenderungan personaliti *Extraversion* dan *Openess* yang wujud dalam personaliti individu yang menggunakan internet dan turut sama mempengaruhi individu berkenaan. Personaliti *Neuroticism* turut banyak dibincangkan oleh pengkaji di internet. Ini disebabkan kecenderungan *Neuroticism* ini lebih kerap berlaku dalam komunikasi di internet (Sailing & Phillipis, 2010). *Neuroticism* dalam komunikasi di internet ditunjukkan melalui ciri-ciri seperti kebimbangan, kemurungan, malu dan kerendahan harga diri. Disebabkan oleh ciri-ciri ini, personaliti individu berkenaan mengalami perubahan dan seterusnya menyebabkan berlakunya kecelaruan disebabkan oleh penggunaan bahasa melalui komunikasi di internet ini

Individu yang mempunyai tahap kecenderungan personaliti *Neuroticism* ini akan lebih menyendiri dan berubah perwatakan melalui penggunaan perkataan dan teks di internet (Ando & Sakamoto, 2008). Hal ini turut dibuktikan dalam beberapa kajian seperti Lavoie & Pychyl (2001) yang menyatakan bahawa perubahan perwatakan memberikan kesan kepada perlakuan dan tindakan dalam komunikasi di internet ini. Akibat daripada perubahan perwatakan di internet seterusnya menyebabkan berlakunya juga kecelaruan dalam personaliti diri individu berkenaan. Kecelaruan dalam personaliti yang wujud ini berlaku kerana di internet individu tidak akan mengekang personalitinya sebaliknya bebas dan bersahaja dalam berkomunikasi. Oleh yang demikian, kajian ini menunjukkan penggunaan kata ciptaan dalam kecenderungan *Neuroticism* dipengaruhi oleh emosi yang wujud dalam personaliti individu berkenaan.

Komunikasi melalui penggunaan internet oleh individu ini menyebabkan penyampaian dan penerimaan mesejnya lebih pantas berbanding komunikasi antara muka. Komunikasi di internet berlaku disebabkan oleh interaksi sosial antara manusia yang menggunakannya. Interaksi sosial antara manusia ini berlaku disebabkan oleh refleksi dan maklum balas yang diterima daripada orang lain dan seterusnya membantu mengenal identiti diri (Mompean, 2010). Banyak kajian terdahulu yang melihat komunikasi di internet seperti kajian oleh Amichai-Hamburger (2012), yang menyatakan pengaruh daripada sifat dan perilaku mempengaruhi komunikasi individu ketika menggunakan internet. Hal ini adalah kerana komunikasi di internet ini berlaku disebabkan oleh penulisan. Komunikasi melalui penulisan ini menyebabkan berlakunya percambahan kepelbagaian idea dan perkongsian penceritaan antara diri individu dengan individu lainnya berbanding dengan komunikasi antara muka. Hasilnya, kesan positif dan kesan negatif wujud akibat daripada komunikasi di internet yang digunakan oleh pengguna internet ini. Kedua-dua kesan ini berlaku disebabkan individu yang menggunakan internet ini mengelakkan masalah kesunyian dan masalah dalam dirinya khususnya dalam kecenderungan personaliti *Aggreeableness* dan *Conscientiousness*. Kecenderungan *Aggreeableness* memberikan kesan positif kepada pengguna internet manakala bagi kecenderungan *Conscientiousness* menyebabkan berlakunya masalah ketagihan kepada pengguna internet yang berkomunikasi melaluinya .

Berbanding kecenderungan personaliti dalam Teori *Big Five* lainnya, kecenderungan personaliti *Extraversion* dan *Neuroticism* adalah yang paling aktif dalam personaliti individu yang menggunakan komunikasi di internet ini. Individu yang mempunyai personaliti *Neuroticism* cenderung untuk berkomunikasi lebih tinggi di internet dan dilihat mempengaruhi kelakuan dan sifat diri dalam individu berkenaan. Contohnya individu yang mempunyai sifat 'malu' yang tinggi dalam diri berkecenderungan menjadikan internet

sebagai komunikasi utamanya, berbanding komunikasi antara muka. Ini kerana komunikasi individu berkenaan melalui internet menjadi lebih baik. Kesannya juga turut melibatkan perlakuan dan sikap individu berkenaan seperti yang dibuktikan juga dalam kajian oleh Matanda, Jenvey dan Phillips (2004) yang memperolehi dapatan yang sama berkaitan perlakuan dan sikap individu, namun menambah dengan menyatakan bahawa kecenderungan *Neuroticism* yang tinggi ini mendedahkan individu berkenaan kepada kesan negatif dalam dan luar kawalan.

Kesan positif dan negatif dalam kawalan dan luar kawalan komunikasi di internet dapat dilihat dalam penggunaan rangkaian sosial terutamanya blog. Hal ini kerana blog melibatkan penulisan teks di antara penulis dengan pembaca teks di laman blog berkenaan. Hasil penulisan teks antara penulis dan pembaca blog ini, membantu melahirkan pemikiran kompleks dan berkreativiti yang terhasil disebabkan oleh pengaruh daripada kiriman blog yang dibuat. Pemikiran kompleks dan berkreativiti ini seterusnya melahirkan idea dan naratif penceritaan dalam kiriman blog.

Penyampaian idea dan naratif di laman blog ini mempunyai pelbagai tujuan untuk menarik perhatian pembaca blog di internet. Paparan yang menarik dalam blog dengan menyertakan penggunaan sintaksis, fonologi, semantik dan pragmatik berupaya juga menarik personaliti dan perlakuan individu yang menulis dan menggunakan laman blog di internet ini. Dalam dapatan kajian Amichai-Hamburger (2012), terhadap remaja, hasil penulisan di internet terutamanya dalam laman blog menyebabkan personaliti yang terdiri daripada emosi, kognisi dan tingkahlaku turut sama terkesan melalui penulisan teks yang dihasilkan. Namun demikian, terdapat juga kajian yang menyatakan bahawa penulisan kiriman di laman blog ini memberikan kesan negatif kepada individu yang menggunakannya terutamanya dalam kecenderungan personaliti *Neuroticism*. Contohnya dapatan kajian Hertel, Shroer, Batinic dan Naumann (2002), yang melihat penulisan e-mail di internet, dan dapatan kajiannya menunjukkan yang wujudnya kesan negatif dalam penggunaannya meskipun dilihat daripada kesan positifnya. Kesan negatif berkenaan wujud melalui interaksi dan komunikasi secara berterusan di antara penulis blog dengan pembacanya; contohnya seperti penyebaran fitnah dan fakta yang tidak mempunyai kesahihannya.

Di Malaysia, peratusan penggunaan blog dalam rangkaian sosial adalah tinggi dalam kalangan pengguna internet terutamanya remaja (Supyan Hussin, 2010). Kajian-kajian di Malaysia juga turut membuktikan yang kecenderungan personaliti *Neuroticism* adalah paling tinggi wujud dalam kalangan remaja yang menggunakan internet ini. Namun demikian, dilihat emosi mempengaruhi kalangan remaja berkomunikasi di internet ini sehinggakan menyebabkan wujudnya perbezaan dalam penulisan teks (Zaini Amir et al., 2012). Penyampaian dan penulisan yang berbeza inilah yang menyebabkan personaliti remaja berbeza melalui penulisan di internet dan personaliti diri yang seterusnya juga menyebabkan penggunaan kata ciptaan dalam penulisan untuk berkomunikasi.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kualitatif ini menggunakan 2 blog peribadi remaja berusia 16 dan 19 tahun bagi tahun 2012. Pemilihan umur antara 16 dan 19 tahun adalah disebabkan remaja dengan usia sedemikian didapati paling aktif menggunakan internet (Nussbaum, 2004). Pemilihan oleh penyelidik 2 blog ini tidak mewakili keseluruhan remaja, sebaliknya penyelidikan ini hanya mahu menunjukkan penggunaan wujudnya kata ciptaan dalam penulisan blog yang digunakan remaja. Pemilihan blog peribadi remaja ini berdasarkan tinjauan penyelidik dalam pautan di blog penyelidik sendiri selaku penulis novel remaja. Pemilihan kedua-dua orang remaja ini berfaktorkan kekerapan menulis kiriman blog, gaya penulisan dan jumlah kiriman

blog bagi setiap bulan dan maklum balas yang diterima daripada setiap kiriman yang dihantar. Kekekapan penulisan kiriman blog remaja diambil kira daripada jumlah kiriman blog yang dipaparkan. Gaya penulisan kiriman blog pula dilihat daripada penggunaan bahasa melalui teks oleh remaja dalam setiap kiriman blog, iaitu terdiri daripada bahasa Melayu dan bahasa Inggeris.

Selain itu, penyelidik juga melihat melalui kreativiti dua orang remaja ini dalam antara muka yang dipaparkan sebagai tarikan kepada respons daripada pembaca yang membaca kiriman tersebut. Penyelidik menggunakan sampel bertujuan untuk menganalisis teks dalam kiriman blog oleh kedua-dua remaja ini. Pengkaji akan mengenal pasti kewujudan 'kata ciptaan' oleh remaja pada bulan pertama sahaja. Oleh yang demikian, kesemua kiriman blog informan ini pada bulan Januari 2012 digunakan oleh penyelidik untuk dianalisis.

Kiriman blog remaja yang pertama diambil daripada ruang arkib blog yang menyimpan keseluruhan kiriman blog kedua-dua remaja yang dihantar dan dipaparkan. Kiriman blog pada bulan Januari 2012 oleh kedua-dua remaja dianalisis menggunakan perisian NVIVO 8. Perisian NVIVO 8 digunakan kerana perisian ini paling popular dalam kajian berbentuk kualitatif. Langkah pertama kajian, penyelidik melabelkan projek awal yang terdiri daripada semua dokumen, pengkodan data dan maklumat yang membantu dalam proses analisis. Dokumen dalam kajian ini mewakili jumlah keseluruhan kiriman blog kedua-dua remaja yang telah disaring dan kemudiannya perkataan yang tidak bersesuaian dalam teks dikodkan oleh penyelidik dengan penanda warna dalam perisian NVIVO 8. Penanda warna ini menjadi panduan kepada penyelidik untuk melihat pengulangan kata yang digunakan dalam kiriman blog yang seterusnya oleh kedua-dua remaja yang dianalisis. Dalam kajian ini, kiriman blog pada bulan pertama yang ditandakan disaring dengan mengasingkan perkataan yang dikenal pasti dalam kajian oleh remaja berkenaan. Kesemua perkataan yang dikeluarkan daripada teks ini disesuaikan dengan 'nodes' dalam NVIVO 8. 'Nodes' dilabelkan sebagai karekteristik individu berdasarkan ciri dalam kecenderungan *Extraversion* dan *Neuroticism* oleh penyelidik sebelum disesuaikan dengan teks yang diasingkan oleh penyelidik di awal kajian sebelum ini.

Kata ciptaan yang diambil oleh pengkaji dalam teks ini dinilai berdasarkan teks kiriman dan bergantung kepada emosi yang terdapat dalam karekteristik kecenderungan personaliti *Neuroticism*, dalam *Teori Big Five Personality*. Karekteristik kecenderungan *Neuroticism* dalam *Teori Big Five Personality* terdiri daripada ketenangan, kebimbangan, rasa marah, cepat berpuas hati, berasa kasihan dan simpati, selesa, emosional dan cecal. Setiap perkataan yang berbeza dengan maksud asalnya akan ditandakan dalam perisian NVIVO 8 dan kemudiannya, teks yang menepati ciri kecenderungan *Neuroticism* diasingkan dalam sebuah jadual khas. Kiriman blog daripada tahun 2012 dianggap kekal dan kebarangkalian untuk disunting adalah kecil.

Daripada kelima-lima kecenderungan dalam *Teori Big Five Personality*, iaitu *Extraversion*, *Openness to Experience*, *Agreeableness* dan *Conscientiousness*. Kecenderungan *Extraversion*, *Openness to Experience*, *Agreeableness* dan *Conscientiousness* lebih kepada penilaian antara muka individu (Amichai-Hamburger, 2000). Penyelidik memilih kecenderungan *Neuroticism* sahaja untuk dikaji disebabkan dalam penulisan di internet, kecenderungan *Neuroticism* dan *Extraversion* adalah yang paling popular dan aktif wujud dalam personaliti pengguna internet (Amichai-Hamburger, 2000). Selain itu, kajian berkaitan kecenderungan *Extraversion* telah banyak dikaji oleh pengkaji-pengkaji lain. Penyelidik mengenal pasti teks yang berkecenderungan *Neuroticism* berdasarkan ciri ketetapan oleh McCrae dan Costa (1997), iaitu terdiri daripada ciri-ciri merendah diri, bertindak tidak rasional dan pesimistik yang kemudiannya diasingkan dalam jadual. Seterusnya, penyelidik akan mengenal pasti perkataan yang digunakan untuk menunjukkan

penyampaian emosi dalam kecenderungan *Neuroticisme* melalui teks yang telah dikenal pasti. Perkataan-perkataan ini adalah ‘kata ciptaan’ disebabkan penggunaannya dalam pelbagai bentuk seperti campuran bahasa Inggeris, penggunaan simbol dan penggunaan perkataan yang hanya digunakan untuk emosi.

ANALISIS DAN DAPATAN KAJIAN

Kedua-dua informan yang dianalisis ialah remaja yang aktif dalam penulisan kiriman blog pada tahun 2012. Informan remaja ‘A’ berusia 16 tahun dan informan remaja ‘B’ berusia 19 tahun pada tahun 2012. Hasil dapatan kajian, informan remaja ‘A’ menulis kiriman blog sebanyak 28 kiriman dan informan remaja ‘B’ sebanyak 31 kiriman blog. Kedua-dua informan mempunyai pengikut yang ramai dalam kiriman blog dan penulisan kiriman mereka bersifat santai dan bersahaja. Contoh petikan teks dalam kiriman blog remaja yang dikenal pasti berdasarkan ciri karekteristik *Neuroticisme* dipaparkan dalam Jadual 1 dan Jadual 4.

JADUAL 1. Karekteristik dan contoh teks *Neuroticisme* remaja ‘A’

Karekteristik	Contoh Teks
Kebimbangan	L1: Like... Seriously?! Korang tak dapat bayangkan bagaimana berdebar jantung aku tunggu 15888 balas mesej aku. L2 : Semalam (Sabtu,) jadual aku memang hectic gila! L3 : Lepas ni kena fikir sambung studi, kerja, kahwin (!) dan PLKN. Adoyai. Bak kata ketua pengawas peperiksaan kat sekolah aku,
Berpuas hati Emosional	L4 : Yesza. Aku memang bercadang untuk tak pegang banyak jawatan tahun ini. L5: Aku target nak tolak tapi buat bazir duit je pulak. Kenapa nak tolak? Sebab mesej tu spoiler perancangan aku untuk tahun depan yang dah terbengkalai.
Selesa	L7 : Ke hadapan warga Planet Hasif Hamsyari (termasuk para pelawat yang datang
Cekal	L8 :Pernah dulu, aku tulis ucapan panjang lebar lepas tu buat slideshow, diam-diam aku save dalam pendrive mak aku. Sweet kan? HAHA
Simpati	L9 : Dah sampai masa saya berehat daripada blogging, Facebook-ing dan segala macam ing kat dunia internet untuk persediaan akhir SPM. L10 : Kering-kontang betul otak aku nak bukak topik. Tapi aku tak sepatutnya abaikan blog aku nan satu ni, ye tak?

Berdasarkan paparan dalam Jadual 1, sebanyak 10 teks kiriman blog remaja ‘A’ yang dikelaskan berdasarkan karekteristik yang terdapat dalam kecenderungan *Neuroticisme*. Dalam 10 teks kiriman blog ini, wujudnya karekteristik seperti kebimbangan, berpuas hati, emosional, selesa, cekal dan simpati. Daripada karekteristik yang wujud itu, dilihat bahawa teks-teks yang terhasil dalam kiriman blog ini dipengaruhi oleh emosi remaja ‘A’ berkenaan. Dilihat daripada contoh teks yang dikategorikan dalam karekteristik kebimbangan, teks L1 dikategorikan sebagai emosi bertindak secara rasional dalam membuat keputusan. Emosi tindakan rasional dalam teks L1 ini berlaku disebabkan remaja ‘A’ ini berinteraksi dengan dirinya sendiri. Interaksi berlaku disebabkan tiada kesahihan tentang kesan yang diterima oleh diri remaja berkenaan terhadap tindakan yang dilakukannya seorang diri meskipun awalnya paparannya dikongsikan bersama untuk bacaan orang lain. Seterusnya dalam teks L2, emosi pesimistik wujud dalam penggunaan teksnya. Teks L2 ini melibatkan interaksi dengan diri sendiri dan hanya menunjukkan ketidaktentuan kesan yang bakal dihadapi oleh dirinya sendiri. Berbeza pula dalam teks L3, emosi yang wujud adalah sama seperti teks L1, iaitu tidak rasional. Namun, teks L3 ini berbeza dalam emosi tidak rasional disebabkan

remaja 'A' ini menghadapi dilema dalam membuat keputusan yang mendatang dan memerlukan masa. Akibat daripada dilema ini, menyebabkan berlakunya keluhan sebagai tanda tidak yakin dengan situasi yang dihadapi.

Dalam karekteristik berpuas hati, emosi remaja tindakan rasional dalam teks L4 menunjukkan remaja 'A' ini menunjukkan keyakinan terhadap keputusan yang dibuat. Seterusnya, bagi karekteristik emosional, teks L5 dilihat lebih kepada emosi pesimistik. Hal ini disebabkan remaja 'A' berkenaan menghadapi kesukaran dalam menyatakan keputusan dirinya yang tepat disebabkan oleh akibat yang bakal diterimanya nanti. Emosi pesimistik juga wujud dalam teks L6 yang mempunyai ciri karekteristik yang sama. Namun, dalam teks L6 ini, keputusan yang dibuat oleh remaja ini adalah berdasarkan keputusan dirinya sendiri tanpa pengaruh situasi atau orang lain.

Seterusnya, teks L7, turut dikategorikan dalam emosi tindakan rasional. Hal ini kerana dalam karekteristik remaja ini menunjukkan teks kiriman yang santai sebagai tarikan untuk meneruskan pembacaan kiriman teks yang remaja 'A' ini kirimkan. Bagi karekteristik cecal, teks L8 juga tergolong dalam emosi tindakan rasional. Hal ini disebabkan remaja berkenaan membuat keputusan yang positif dan tidak memberikan kesan kepada orang lain. Sebaliknya, penulisannya dalam emosi ini sekadar untuk pemberitahuan perkara yang positif dan kegembiraan. Berbeza pula dalam teks L9, yang dikelaskan dalam emosi merendah diri. Hal ini kerana teks yang dikirimkan atas kerelaan diri sendiri remaja 'A' berkenaan tanpa paksaan namun dipengaruhi oleh faktor untuk kepentingan dirinya sendiri sama ada dalam masa terdekat atau ke hadapan. Bagi karekteristik simpati, teks L10 mempunyai emosi tindakan rasional. Tindakan rasional oleh remaja ini ialah dengan mencari penyelesaian terhadap kekurangan idea yang dihadapinya untuk meneruskan penulisan kiriman.

JADUAL 2. Karekteristik dan contoh teks Neuroticisme remaja 'B'

Karekteristik	Contoh Teks
Berpuas hati	<p>P1 : Oh tiba-tiba terjumpa ni on my Tumblr dashboard tadi. Aku rasa benda ni macam boleh masuk je sekali dengan entri ni, tu yang aku terus ambik tu. Trololololol.</p> <p>P2 : Azura's first reaction when I picked her up was, "Alolololo, keciknya kawan aku dalam kereta." Hahahahaha, with my cute baby face, siapa percaya yang aku dah boleh drive kan? *Okay, I give you permission to puke sekarang jugak*</p> <p>P3 : Rasa macam kau dah ada semua benda. Hahahahaha, kidding. It feels like 'the world is mine, baby!'. LOL. Dalam erti kata lain, kalau jumpa duit syiling sekarang ni, aku rasa sangat-sangat bersyukur sebab ada jugak duit. Heeehh, weird but true.</p>
Kasihani	<p>P4 : Tapi bila fikir balik pulak, aku macam tak sanggup nak delete hasil penat lelah penulisan aku walaupun teruk gila tak boleh nak cakap apa. Sobs.</p>
Emosional	<p>P5 : I will poreberrrr say no to manual cars. Ya Allah, dah cukup dah azab bawak kereta manual masa zaman belajar bawak kereta dulu. Please take note that my zaman-belajar-bawak-kereta-dulu was exactly a month ago. Haha, what a 'bajet' girl I am :P</p> <p>P6 : Ceh, gambar macam konon tengah focus buat kerja padahal tengah sign attendance je pun. LOL. PSS; My hand looks so weird and besar semacam =_=</p>

	P7 : Hahaha, serious tak boleh blah gila opening. Mengapakah saya gembira? Tidakkah anda tertanya-tanya sebabnya?
	P8 : Dah lah dorm dekat tingkat 3! MasyaAllah. Tapi takpe, tangga kat Jengka pendek belaka. So tak terasa nak naik tingkat 3, tapi tidak dekat Kuantan. Rumah aku tingkat 4 tahu tak?! Tingkat 4! FUUUUUUUUUUUUUUUUUU-
Ketenangan	P9 :Kalau hari baik semacam, I will only spend RM1 on food; which is the keropok lekor. Oh did I tell you that I'm a huge fan of keropok lekor? K, whatevs.
Simpati	P10 : Sedih wo! Memang buat drama air mata depan Kompleks Kediaman Siswi tu. Uncle pulak mengambil kesempatan untuk merakamkan detik-detik bersejarah itu. Aiyoyoyo, whyyyy?

Jadual 2 menunjukkan karekteristik dan contoh teks bagi remaja 'B' dalam kecenderungan *Neuroticisme*. Berdasarkan 10 contoh teks yang dipilih, terdapat lima karekteristik wujud, iaitu karekteristik berpuas hati, kasihan, emosional, ketenangan dan simpati. Kesemua karekteristik yang wujud dalam analisis teks ini juga turut dipengaruhi oleh tiga emosi yang terdapat dalam kecenderungan personaliti *Neuroticisme* ini, iaitu emosi tindakan rasional, merendah diri dan pesimistik. Dalam karekteristik berpuas hati, wujud tiga teks, iaitu P1, P2 dan P3. Dalam teks P1, dikategorikan sebagai emosi tindakan rasional kerana keputusan remaja 'B' dalam menggunakan gambar sebagai lampiran sokongan terhadap teks kiriman dalam laman blognya. Emosi tindakan rasional remaja 'B' ini turut melahirkan perasaan gembira dan kepuasan atas tindakan yang dilakukannya itu. Teks P2 turut tergolong dalam emosi tindakan rasional kerana respon yang diberikan terhadap topik perbualan remaja 'B' berkenaan menunjukkan kebanggaan dan kebolehan yang dilakukan oleh dirinya sendiri. Berbeza dengan teks P3, yang bertemakan penghargaan dan kesyukuran yang tergolong dalam emosi merendah diri. Teks P3 ini juga menyerlahkan diri remaja 'B' ini seorang yang memikirkan masa hadapan dan menyedari kesan yang berlaku kepada dirinya sendiri.

Dalam karekteristik lainnya, iaitu 'kasihan', teks P4 digolongkan dalam emosi merendah diri. Emosi ini wujud dalam teks P4 disebabkan remaja 'B' ini bermonolog dengan dirinya sendiri mengenai hasil usaha kerjanya yang dipaparkan di internet. Selain itu, dilihat juga yang teks P4 ini merupakan perkongsian perasaan diri remaja 'B' berkenaan untuk dihargai dan diterima oleh orang lainnya. Namun, berbeza dengan keempat-empat teks P5,P6,P7 dan P8 yang mempunyai ciri karekteristik emosional dan berbeza emosinya bagi setiap teks. Misalnya, dalam teks P5, emosi yang terhasil adalah pesimistik. Ini adalah kerana teks P5 ini menunjukkan yang remaja 'B' ini mengalami penyesalan dan tidak mahu pengalaman yang dilaluinya itu berulang kembali. Begitu juga dalam teks P6, yang turut mempunyai emosi pesimistik, dan teks ini menunjukkan remaja 'B' ini membuat andaianya sendiri terhadap individu lain. Andaian berkenaan bersifat negatif dan bertujuan menyatakan ketidakpuasan hatinya terhadap individu berkenaan. Namun demikian, berbeza dalam teks P7 yang menunjukkan remaja 'B' ini memperlihatkan reaksi kegembiraan pada awalnya. Kemudiannya, teks penulisannya meminta pandangan pembaca untuk memberikan jawapan tentang perasaan kegembiraannya itu. Teks P8 yang mempunyai karekteristik emosional dikategorikan dalam emosi tindakan rasional. Hal ini kerana teks penulisannya menunjukkan sikap remaja 'B' terhadap sesuatu perkara yang tidak disukainya namun dalam masa yang sama mencari penyelesaiannya meskipun turut mengeluh terhadap apa yang dilakukannya itu.

Dalam karekteristik ketenangan teks P9, emosi yang wujud ialah merendah diri. Hal ini kerana dalam teks ini remaja 'B' ini menunjukkan minatnya terhadap sesuatu perkara namun masih terkawal oleh sifat dalam dirinya itu. Dalam teks P9 ini juga turut memberitahu tentang perkara yang disukainya oleh remaja 'B' ini dan penyampaiannya adalah sekadar untuk pemberitahuan. Dan, akhir sekali adalah karekteristik simpati dalam teks P10. Teks P10 ini tergolong dalam emosi pesimistik disebabkan penulisan teks ini lebih kepada luahan perasaan kesedihan dan kepuasan yang dikongsikan secara terbuka.

PENGGUNAAN KATA CIPTAAN DALAM TEKS

Berdasarkan analisis terhadap karekteristik dan emosi yang wujud dalam 10 teks yang dipilih bagi setiap remaja ini, dilihat bahawa terhasilnya perkataan-perkataan yang digunakan oleh remaja berlainan gender ini bagi memperkukuhkan penyampaiannya. Pengukuhan penyampaian ini melibatkan perkataan yang dikategorikan sebagai kata ciptaan. Hal ini kerana kata ciptaan yang digunakan merangkumi tiga aspek, iaitu campuran bahasa, simbol penyampaian dan sebagai penanda. Jadual 3 menunjukkan kata ciptaan yang dikelaskan daripada teks oleh kedua-dua remaja.

JADUAL 3. Karekteristik dan kata ciptaan remaja

Karekteristik		Kata ciptaan
Kebimbangan	L1	: <u>Like... Seriously?!</u>
	L2	: <u>hectic gila!</u>
	L3	: <u>Adoyai. Bak kata</u>
Berpuas hati	L4	: <u>Yesza</u>
	P1	: <u>Trololololol.</u>
	P2	: <u>Alolololo.</u>
	P3	: <u>baby!. LOL.</u>
Emosional	L5	: <u>mesej tu spoiler</u>
	L6	: <u>kena sindrom</u>
	P5	: <u>what a 'bajet' girl</u>
	P6	: <u>LOL. PSS;</u>
	P7	: <u>blah gila opening.</u>
	P8	: <u>FUUUUUUUUUUUUUUUUUUU-</u>
Selesa	L7	: <u>warga Planet Hasif Hamsyari</u>
Cekal	L8	: <u>aku save</u>
	L9	: <u>daripada blogging.</u>
Simpati	L10	: <u>Kering-kontang betul</u>
	P10	: <u>Aiyoyoyo, whyyyy?</u>
Kasih	P4	: <u>apa. Sobs</u>
Ketenangan	P9	: <u>K. whatevs.</u>

Berdasarkan Jadual 3, kedua-dua remaja yang dikaji menggunakan perkataan yang digunakan bersama dalam teks yang dikirimkan di internet. Perkataan-perkataan yang digunakan ini dipengaruhi oleh karekteristik remaja berkenaan. Namun, perkataan-perkataan yang digunakan oleh remaja ini berlainan daripada maksud asalnya yang biasa digunakan. Misalnya, dalam karekteristik kebimbangan, remaja 'A' menggunakan tiga perkataan yang dikategorikan sebagai 'kata ciptaan' dalam teksnya. Pertamanya ialah perkataan 'Like Seriously', dalam teks L1 yang diambil daripada perkataan bahasa Inggeris namun diterjemahkan dalam teks kirimannya sebagai bermaksud sesuatu yang boleh dipercayai atau pun tidak. Begitu juga dalam teks L2, penggunaan perkataan 'hectic gila' yang mewakili 'sibuk' seperti yang digambarkan oleh remaja 'A' ini namun maksud sebenarnya adalah 'tidak terurus dan menyusahkan' seperti kelaziman makna yang digunakan oleh pengguna

lainnya. Selain itu, bagi penggunaan perkataan ‘Adoyai’, adalah mewakili keluhan remaja terhadap kesusahan yang dilaluinya.

Seterusnya, dalam karekteristik berpuas hati, remaja ‘A’ menggunakan perkataan ‘Yesza’ dalam teks L4. Perkataan ‘Yesza’ ini digunakan untuk menunjukkan kepuasan diri oleh remaja ‘A’ berkenaan sebagai tanda kejayaan yang diraikan olehnya. Namun, berbeza dengan remaja ‘B’ yang menggunakan perkataan-perkataan dan simbol dalam teksnya. Dilihat dalam teks P1 dan P2, wujudnya penggunaan perkataan ‘Trololololol’ dan ‘Alolololo’. Perkataan ‘Trololololol’ dalam teks P1 dilampirkan sebagai tanda kepuasan kepada diri remaja ‘B’ berkenaan di atas kejayaan yang dilakukan dirinya. Namun, perkataan ini hanyalah simbol sahaja dan tidak memberikan maksud dari sudut linguistik. Begitu juga bagi perkataan ‘Alolololo’ yang dibaca dalam teks adalah gambaran keterujaan remaja ‘B’ terhadap sesuatu perkara yang dekat dengan dirinya. Selain itu, penggunaan perkataan ‘Alolololo’ adalah juga sebagai keluhan yang positif melibatkan perasaan yang wujud pada ketika itu dalam diri remaja ‘B’ berkenaan. Berbeza pula dalam teks P3, remaja ‘B’ ini menggunakan singkatan perkataan ‘LOL’ yang kebiasaannya bermaksud ‘Laught of Loud’, yang digunakan dalam penulisan teks di internet.

Dalam karekteristik emosional, remaja ‘A’ dilihat menggunakan kata ciptaan dalam teks penyampaiannya. Contohnya dalam penggunaan teks ‘mesej itu spoiler’ dan ‘kena sindrom’. Penggunaan perkataan ‘spoiler’ asalnya adalah daripada perkataan ‘spoil’ yang bermaksud ‘merosakkan’. Dan perkataan ‘spoiler’ ialah alat ganti kenderaan namun ditokok tambah oleh remaja untuk dikaitkan dengan teks yang disampaikannya. Sementara itu, bagi remaja ‘B’ penggunaan perkataan kata ciptaan pula lebih kepada ketidakpuasan terhadap diri sendiri, situasi dan orang lainnya. Contohnya dalam teks P5, iaitu penggunaan perkataan ‘bajet’. Makna perkataan, ‘bajet’ adalah berjimat cermat namun dalam teks ini remaja ‘B’ menggambarkan makna ‘bajet’ sebagai tidak terlalu menunjuk-nunjuk tentang perlakuan dirinya. Perkataan yang sama juga turut diperlihatkan oleh remaja ‘B’ ini dalam teks P6 iaitu ‘LOL’ dan ‘PSS’. Perkataan ‘LOL’ adalah ‘Laugh of Loud’ dan bagi perkataan ‘PSS’ adalah sebagai simbol sahaja. Seterusnya dalam teks P7, penggunaan perkataan ‘blah’ adalah sebagai simbol tidak bersetuju dan menerima apa yang dilihat oleh remaja ‘B’ ini. Keluhan oleh remaja ‘B’ ini juga dapat dilihat dalam teks P8, iaitu penggunaan perkataan ‘FUUUUUUUUUUUUUUUUUUUUU-‘. Penggunaan perkataan ‘FUUUUUUUUUUUUUUUUUUUUU-‘ adalah sebagai lambang monolog dirinya sahaja. Seterusnya, dalam emosi ‘selesa’, remaja ‘A’ menggunakan perkataan ‘warga’ dalam teks L7. Perkataan ‘warga’ dalam teks L7 ini dimaksudkan sebagai pengguna internet yang mengikuti laman blog remaja ‘A’ ini dan juga turut memberikan respon kepada kiriman blog yang dikirimkan. Dalam emosi cecal, iaitu penggunaan perkataan ‘save’ dan ‘blogging’. Kedua-dua perkataan ini adalah dalam bahasa Inggeris namun disesuaikan dengan teks yang disampaikan dalam teks L8 dan L9 bagi menunjukkan maksud teks kiriman yang disampaikan. Berbeza pula dalam emosi ‘simpati’ yang menunjukkan penggunaan teks ‘Kering-kontang betul’ dan ‘Aiyoyoyo, whyyyy?’ Perkataan ‘Kering-kontang betul’ dimaksudkan dengan ketiadaan idea oleh remaja ‘A’ untuk menulis kiriman blog pada hari-hari tertentu. Namun, dalam kiriman emosi ‘simpati’ yang sama, dalam teks P10 oleh remaja ‘B’ pula menggunakan perkataan ‘Aiyoyoyo, whyyyy?’ yang bermaksud tidak mengerti dan faham tentang apa-apa yang berlaku melalui situasi yang dilihatnya. Dalam emosi ‘kasihan’ dan ‘ketenangan’, yang turut melibatkan penulisan teks remaja ‘B’, dua perkataan yang digunakan dalam P4 dan P9, iaitu penambahan perkataan ‘Sobs’ dan ‘K, whatevs’. Penggunaan perkataan ‘Sobs’ misalnya adalah sebagai lambang kesedihan yang ditunjukkan bersama teks, manakala dalam penggunaan perkataan ‘K, whatevs’ menunjukkan yang remaja ‘B’ ini tidak kisah situasi yang terjadi asalkan tidak memberikan kesan kepada dirinya.

PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Hasil kajian ini, menunjukkan bahawa penggunaan kata ciptaan dalam teks oleh kedua remaja ini menonjolkan gaya komunikasi bahasa dalam kalangan remaja. Kata ciptaan yang digunakan oleh kedua remaja dalam penulisan teks kiriman blog ini mempunyai tafsiran yang berbeza daripada kelompok pembaca yang bukan golongan remaja. Kajian oleh Nurul Shahida Jamil dan Maslida Yusoff (2015) menyatakan penggunaan pelbagai bahasa dalam komunikasi adalah dipengaruhi juga oleh sosiobudaya yang dilalui oleh individu seperti remaja namun dalam hasil analisis oleh penyelidik, kajian ini menunjukkan yang penggunaan 'kata ciptaan' oleh remaja dipengaruhi oleh emosi yang seterusnya mempengaruhi penulisan kiriman blog dalam internet. Selain itu, hubungan di antara 'kata ciptaan' dalam kecenderungan personaliti *Neuroticisme* menunjukkan informan remaja 'A' yang dikaji ini dipengaruhi oleh emosi sahaja dalam penulisan kiriman blog berbanding informan remaja 'B' yang dipengaruhi oleh emosi dan ekspresi terhadap kiriman teksnya (Amichai-Hamburger, 2012). Dalam kecenderungan personaliti *Neuroticisme* ini, sifatnya hanya terdiri daripada rasa bersalah, bertindak tidak rasional dan dalam keadaan kesedihan, mendorong kewujudan 'kata ciptaan' yang dikongsikan bersama atau untuk luahan keperibadian diri sendiri. Dalam komunikasi kewujudan kata ciptaan itu, selain emosi, situasi yang dilalui oleh kedua-dua remaja itu menyebabkan berlakunya penciptaan kata ciptaan yang tidak difahami oleh mereka yang bukan daripada golongan remaja. Ini adalah kerana pentafsiran sesuatu makna boleh diketahui berdasarkan kepada konteks ujaran yang digunakan dan situasi keadaan yang dilalui individu dalam kelompok yang sama. Oleh itu, dilihat bahawa kata ciptaan yang terhasil daripada kecenderungan *Neuroticisme* ini berupaya mempengaruhi komunikasi di internet melalui rangkaian sosial seperti di blog (Saling & Phillips, 2010).

Berdasarkan kajian ini, kata ciptaan yang dihasilkan oleh kedua-dua remaja ini menyebabkan makna perkataan asal berubah dan digunakan meluas dalam komunikasi kalangan remaja. Ini menyebabkan wujudnya dua perbezaan antara personaliti diri sebenar melalui perlakuan dan penulisan di internet. Hasil kajian ini menunjukkan kedua-dua remaja ini bertindak berdasarkan perilaku diri sendiri menyebabkan berlakunya penggunaan leksikal tanpa kekangan. Akibatnya, pemahaman terhadap penulisan kiriman teks dalam blog peribadi mereka disalahertikan oleh kelompok bukan remaja. Kajian mengenai penggunaan kata ciptaan oleh penyelidik ini boleh diperluaskan lagi dengan melebarkan skop kajian, iaitu dengan melibatkan lebih ramai remaja dengan memberikan tumpuan terhadap penggunaan rangkaian sosial yang lain seperti *Facebook*, *Instagram*, *Twitter*, *Keek* dan *Whatsapp*.

Pengkaji mencadangkan dalam kajian mendatang, kajian tentang penggunaan kata ciptaan ini diteliti dengan lebih luas lagi dengan mendapatkan maklum balas remaja yang turut sama menggunakan kata ciptaan berkenaan dalam komunikasi. Hal ini kerana, penggunaan kata ciptaan ini akan sentiasa berlaku dan banyak lagi kata ciptaan akan wujud selagi remaja menggunakan internet sebagai medium komunikasi dalam seharian. Hal ini bersesuaian dengan pandangan yang dinyatakan oleh Lyons (1981), iaitu internet dan rangkaian sosial berkembang dalam komunikasi, dengan melibatkan penggunaan leksikal seperti homonimi, polisemi dan sinonim. Bentuk yang sama dalam aspek homonimi ini berlaku dalam aspek polisemi, iaitu kepelbagaian makna dalam perkataan yang digunakan. Aspek ini berlaku apabila penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris bercampur aduk dalam penggunaan perkataan seperti yang diperolehi dalam kajian ini. Oleh yang demikian, aspek-aspek berkaitan homonimi dan polisemi ini boleh dikembangkan lagi dengan kajian yang lebih luas lagi terutamanya melibatkan pemaknaan dalam perkataan ini. Makna dalam perkataan ini bersifat deskriptif, ekspresif dan sosial. Kewujudan makna dalam perkataan ini juga turut sama melibatkan perbendaharaan kata. Penyelidik mencadangkan, melalui kajian

perbendaharaan kata ini, kajian makna melalui leksikal wajar diperkembangkan kerana dalam pemaknaan perkataan, terdapat dua komponen tambahan, iaitu pengertian dan denotasi.

Selain itu, kajian ini juga membantu dalam menunjukkan gaya komunikasi remaja dalam internet melalui penulisan teks. Kajian ini juga menunjukkan personaliti remaja yang sebenarnya dan komunikasi kedua-duanya melalui penulisan kiriman blog di internet. Pembuktian kajian ini melalui setiap kecenderungan personaliti yang mempunyai kedua-dua sikap positif dan sikap negatif, dan menyebabkan wujud perbezaan dalam identiti diri kedua-dua remaja ini. Kajian yang dijalankan ini sepadan dengan kajian-kajian lain yang berkaitan antara personaliti dan penulisan di internet sehingga mempengaruhi personaliti diri sebenar dan perbezaan antara personaliti diri sebenar dan di internet. Sementara itu, kajian ini juga menyatakan bahawa kecenderungan personaliti yang membentuk ciri personaliti menerangkan semuanya tentang perlakuan, tingkah laku individu dan perbezaan yang wujud dalam komunikasi di internet tanpa mengira medium perantaraan komunikasi.

RUJUKAN

- Amichai-Hamburger, Y. (2002). Internet and Personality. *Computer in Human Behavior*. 18, 1-10.
- Amichai-Hamburger, Y.A. & Ben-Artzi, E. (2000). The Relationship Between Extraversion and Neuroticism and the Different Uses of the Internet. *Computers in Human Behavior*. 16, 441-449.
- Ando, R., & Sakamoto, A. (2008). The Effect of Cyber-friends on Loneliness and Social Anxiety: Differences between High and Low Self-evaluated Physical Attractiveness Groups. *Computer in Human Behaviour*. 24, 993-1009.
- Cadle, L. (2005). *A public view of private writing: Personal weblogs and adolescent girls*. (Tesis Ph.D yang tidak diterbitkan). Bowling Green University, Canada.
- Cohen, E. H., & Deuling, J. K. (2014). Structural Analysis of the Abridged Big Five Circumplex: A Comparison among Gender and Ethnic Groups. *Bulletin of Sociological Methodology/Bulletin de Méthodologie Sociologique*. 122(1), 63-86. doi:10.1177/0759106314521971
- Fromkin, V., Rodman, R., & Hyams, N., (2007). *An Introduction to Language*. 8th Edition. Boston: Wadsworth Publishing.
- Gadbois, E. A., & Dugan, E. (2014). The Big Five Personality Factors as Predictors of Driving Status in Older Adults. *Journal of Aging and Health*. 1-21.
- Haugen, E., (1953). *The Norwegian Language in America: A Study in Bilingual Behaviour*. Philadelphia: University of Pennsylvania Press.
- Hertel, G., Schroer, J., Batinic, B., & Naumann, S. (2008). Do Shy People Prefer to Send Email? Personality Effects on Communication Media Preferences in Threatening and Nonthreatening Situations. *Social Psychology*. 39, 231-243.
- Lam Kai Chee, & Kamila Ghazali. (2014). Teknik Matched-Guised: Mendalami Sikap Penutur Bahasa di Kuching, Sarawak. *Jurnal Linguistik*. 1(18). 48-61.
- Lavoie, J. A. & Pychyl, T. A. (2001). Cyberslacking and the Procrastination Superhighway: A Web Based Survey of Online Procrastination, Attitudes and Emotion. *Social Sciences Computer Review*. 19, 431-444.
- Lindquist, K. A. ,& Gendron, M. (2013). What's in a Word? Language Constructs Emotion Perception. *Emotion Review*. 5(1), 66-71. doi:10.1177/1754073912451351
- Lyons, John (1981). *Language and Linguistics*. Cambridge: University Press.
- McCrae, R. R., & Costa, P. T., Jr. (1997). Personality Trait Structure as a Human Universal. *American Psychologist*, 52, 509-516.

- MDEC (2015). Muat turun daripada [http:// www.mdec.my/ms](http://www.mdec.my/ms)
- Mompean, A.R.,nm (2010). The Development of Meaningful Interactions on a Blog Used for the Learning of English as a Foreign language. *Recall* 22(3), 376-395.
- Nurul Shahida Jamil & Maslida Yusof. (2015). Analisis Dieksis Dialek Kedah. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 15(1), 163-187.
- Payne, T. E., 2006. *Exploring Languages Structure*. Cambridge, New York: Cambridge University Press.
- Sailing, L. L., & Phillips, G. J. (2010). The Manifestations of Neuroticism in the Use of Information and Communication Technology. *Journal Psychology of Neuroticism and Shame*. 3, 59-83.
- Siti Hamin Stapa, & Azianura Hani Shaari, (2012). *Understanding Online Communicative Language Features in Social Networking Environment*. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(3), 817-830.
- Steiner, E., (2008). “Empirical Studies Of Translations As A Mode Of Language Contact: Explicitness Of Lexicogrammatical Encoding As A Relevant Dimension”. Dlm. Siemund, P & Noemi Kintana (Ed.). *Language Contact and Contact Languages*. Amsterdam: John Benjamins Publishing Company.
- Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (2012) Statistics Internet in Malaysia. Muat turun daripada www.skmm.gov.my.
- Supyan Hussin. (2005). *Sejauh Manakah SMS Mencemarkan Bahasa Melayu? Kertas Kerja dalam Seminar Sehari Penyelidikan: Perkembangan SMS dan Pengaruhnya Terhadap Bahasa Melayu Formal*. DBP. Kuala Lumpur.
- Zaini Amir, Hazirah Abidin, Saadiyah Darus & Kemboja Ismail (2012). Gender Differences in the Language use of Malaysian Teen Bloggers. *GEMA Online® Journal of Language Studies*. 12(1), 105-124.

PENULIS

Mohd Shahremy Ikmal bin Shahbudin merupakan pelajar Ph.D dalam bidang Bahasa Melayu Kontemporari di Universiti Utara Malaysia. Bidang kajian beliau berkaitan psikolinguistik terapan, personaliti dan penggunaan bahasa dalam internet.

Nuraini Yusoff (PhD) merupakan Profesor Madya di Bahagian Bahasa Melayu, Jabatan Bahasa, Pusat Pengajian Pendidikan dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia dan Ketua Penyelaras, Unit Bahasa Melayu Jabatan Canselori, Universiti Utara Malaysia. Bidang pengkhususan beliau ialah pendidikan bahasa dan bahasa Melayu.